

19/04/2001

Jejas perpaduan: Kanun Keseksaan tidak pernah diguna

KERAJAAN tidak pernah menggunakan Seksyen 298A Kanun Keseksaan terhadap pemimpin Pas, walaupun mereka menimbulkan suasana tidak harmoni, benci-membenci dengan menggunakan isu agama.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata walaupun seksyen itu wujud, kerajaan belum menangkap ahli Pas yang sengaja mengadu-domba dan memecahkan umat Islam di negara ini.

"Apa yang kita pertikaikan ialah kita takut Pas akan memesongkan akidah umat Islam. Setakat ini, kerajaan masih belum menggunakan seksyen ini," katanya menjawab soalan tambahan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu) di Dewan Rakyat, semalam.

Tengku Adnan berkata, rasional diwujudkan Seksyen 298A Kanun Keseksaan sebelum ini adalah untuk mengawal dan menjamin keselamatan awam serta perpaduan negara ini.

Seksyen itu mula berkuat kuasa pada 20 Februari 1983 dan belum dimansuhkan.

Katanya, adalah menjadi kesalahan bagi seseorang melakukan perbuatan atau mengucapkan perkataan yang cuba atau mungkin menyebabkan timbulnya suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci dan sebagainya berdasarkan isu agama antara orang seagama atau berlainan agama.

Sebelum itu, Dr Syed Azman dalam soalan tambahannya berkata, beliau bimbang seksyen itu akan dijadikan alat menimbulkan kebimbangan umat Islam.

Beliau turut menyarankan Jemaah al-Quran Malaysia yang pernah disifatkan sesat oleh Majlis Fatwa Malaysia dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadi kumpulan atau orang pertama ditahan mengikut seksyen itu kerana menghina Islam dan memecahbelahkan masyarakat.

Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) bingkas bangun dan mencadangkan Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) ditahan mengikut seksyen itu kerana memecahbelahkan masyarakat Islam dengan 'Amanat Haji Hadi'.

(END)